

PM ketua delegasi ke Asem 4

BH 22 SEP 2002

SEPANG: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Copenhagen, Denmark awal pagi semalam untuk mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Asia-Eropah ke-empat (Asem 4) selama tiga hari bermula hari ini.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada 1.30 pagi.

Turut hadir mengucapkan selamatjalan kepada mereka ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa Menteri Kabinet.

Delegasi Malaysia ke mesyuarat

itu terdiri daripada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan para pegawainya serta para pegawai Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Sewaktu mesyuarat itu, pemimpin kedua-dua benua dijangka membincangkan isu-isu keselamatan antarabangsa selepas tragedi 11 September tahun lalu, keganasan antarabangsa dan jenayah merentasi sempadan.

Mesyuarat itu juga akan membincangkan langkah memulihkan ekonomi dunia melalui kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan dengan melaksanakan objektif te-

gas dalam menggalakkan perdagangan.

Mesyuarat itu dijangka membincangkan isu-isu membabitkan Semenanjung Korea, Asean campur Tiga dan usaha memperluaskan Kesatuan Eropah.

Perdana Menteri turut dijadualkan mengadakan pertemuan dua hala bersama-sama rakan Asem.

Asem I diadakan di Bangkok pada 1996, Asem II di London pada 1998 dan Asem III di Seoul pada 2000. Anggota-anggota Asem dari Asia ialah Brunei, China, Indonesia, Jepun, Malaysia, Filipina, Republik Korea, Singapura, Vietnam dan Thailand.